

PENETAPAN GANTI RUGI BAGI PELBAGAI KECEDERAAN DIRI MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

Determination of Compensation for Various Personal Injuries in Islamic Law

Shahidra Abdul Khalil *

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar **

Abdul Karim Ali ***

ABSTRACT

Implementation of Islamic criminal laws in modern days, in multi-ethnic and multi-religious country is a challenging issue. This is due to negative perception against the law especially hudud law which is perceived as harsh and irrelevant in modern days. However, the aspiration to implement Islamic criminal laws may be feasible if it is begun with the implementation of diyat. Generally, diat is a compensation for fatality and personal injury with the fixed rates determined by Shariah. Compared to hudud and qisas, the implementation of diyat may be less controversial as the main objective is to protect the victim and the heirs' right with financial liability

* Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, shahidra@um.edu.my

** Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, syedjeffri89@um.edu.my

*** Assoc Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, abdkarim@um.edu.my

charged to the wrongdoer. From previous literatures, it is found that discussions on implementation of diat is scarce and mainly focus on basic theory of diat without further discussion on the determination methodology of the rates for more complex injuries. Hence, this article aims to fill the loopholes by discussing the methodology in determining the diyat rates for various injuries. The application of the methodologies namely al- ta'addud, al-tadākhul and determination of rates based on ratio as discussed by the Islamic scholars is analysed. The article reveals that al-ta'addud methodology applies when injuries occur in different part of body. Whereas, al-tadākhul applies when several injuries overlap in same or related part of body and compensation is proportioned to the full amount of diyat if the loss of body part or its function is partial. For complex injuries, referral to expert and utility of current medical technologies in determining the type and severity of the injuries is advocated. In conclusion, all the methodologies for determining diyat rates are relevant as it can be applied in current context for various types of injury.

Keywords: *Personal Injury, Compensation, Diat, Arsh, al-Tadākhul*

PENDAHULUAN

Kewajiban memberikan ganti dalam syariat Islam timbul apabila berlaku kerosakan pada harta dan manfaat harta individu atau atas kemudaratan yang dilakukan ke atas dirinya akibat perbuatan salah.¹ Namun, liabiliti ini tertakluk kepada beberapa syarat iaitu

¹ Muḥammad al-Zuḥaylī, *Nazariyyat al-Damān aw Aḥkām al-Mas'ūliyyah al-Madaniyyah wa al-Jinā'iyah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1998), 15.

kerusakan benar-benar berlaku,² ia meninggalkan kesan fizikal³ dan kerusakan itu kekal.⁴ Kematian dan kecederaan anggota tubuh diperuntukkan dengan diat, *arsh* dan *ḥukūmah al-‘adl*. Namun, ganti rugi ini diperuntukkan kepada mangsa jika pelaku salah menghilangkan nyawa atau mencederakan tanpa niat atau tidak sengaja.⁵ Jika perbuatan dilakukan dengan sengaja, hukuman yang diperuntukkan ke atas pelaku adalah qisas atau perbuatan balas yang menjadi hak mangsa atau walinya. Pengecualian kepada pembayaran diat atau ganti rugi hanya berlaku dalam kes sengaja jika mangsa memaafkan pelaku atau qisas tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab yang dibenarkan syarak.

Diat, *arsh* dan *ḥukūmah al-‘adl* secara umum merupakan bayaran yang perlu dijelaskan kepada mangsa atau walinya akibat kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh badan yang berlaku secara salah. Istilah-istilah tersebut membawa maksud yang berbeza seperti perbincangan berikutnya. Pertama, kadar bayaran, sama ada diperuntukkan secara tetap atau tidak. Diat dan *arsh* adalah ganti rugi yang ditetapkan kadarnya,⁶ manakala *ḥukūmah al-‘adl* pula diserahkan penilaiannya kepada pemerintah.⁷ Perbezaan kedua adalah bentuk musibah yang mewajibkan ganti rugi-ganti rugi tersebut. Diat diperuntukkan bagi kehilangan dan kecederaan anggota sepenuhnya manakala *arsh* dan *ḥukūmah al-‘adl* pula diperuntukkan bagi kecederaan dan kehilangan sebahagian

² Al-Zuhaylī, *Nazariyyat al-Ḍamān*, 96; ‘Alī al-Khafīf, *al-Ḍamān fī al-Fiqh al-Islāmī* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 2000), 38.

³ Muḥṣin ‘Abd Farḥān Ṣāliḥ al-Jumaylī, *al-Gharāmah al-Māliyyah fī al-Ḥudūd wa al-Jināyat ‘alā al-Nafs al-Bashariyyah wa mā Dūnihā fī al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006), 29.

⁴ Al-Zuhaylī, *Nazariyyat al-Ḍamān*, 60; Ḥamād bin Muḥammad al-Jābir al-Hajīrī, *al-Qawā‘id wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhiyyah fī al-Ḍamān al-Māli* (Riyad: Dār Kunūz Ishbiliyya li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2008), 88; Ḥusnā ‘Abd al-Samī‘ Ibrāhīm, *Mawqīf al-Fuqahā’ min Ḍamān al-Amwāl fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah Dirāsah Muqāranah* (Dimyat: Maktabah Nanasi, 2004), 45.

⁵ Seperti mana yang dinyatakan dalam surah al-Nisā’ (4): ayat 92.

⁶ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Ḍamān al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas’ūliyyah al-Taqṣīriyyah fī al-Qānūn* (Kaherah: Dār al-Thaqāfah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1990) 439.

⁷ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Ḍamān al-‘Udwān*.

daripadanya. Bezanya, bentuk kecederaan yang mewajibkan *arsh* diperuntukkan dengan kadar tertentu. *Hukūmah al-‘adl* pula tidak ditentukan kadarnya, justeru disebut juga sebagai *arsh* yang tidak ditentukan (*arsh khayr muqaddar*).⁸

Terdapat juga beberapa istilah lain yang seringkali merujuk kepada pembayaran ganti rugi terhadap kehilangan manfaat sesuatu atau berlaku kerosakan pada sesuatu seperti *al-ḍamān*. Walau bagaimanapun *al-ḍamān* membawa maksud ganti rugi bagi kerosakan harta benda dan kerugian material yang dialami oleh seseorang. Ia hanya diperuntukkan bagi harta yang bernilai sahaja sama ada harta alih atau harta tidak alih.⁹ Justeru, makalah ini memfokuskan mengenai penetapan ganti rugi yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak bagi kecederaan diri iaitu diat dan *arsh*. Ini kerana para hakim tiada kuasa yang luas dalam menetapkan kadarnya melainkan berdasarkan apa yang telah ditentukan. Namun, disebabkan tidak semua bentuk kecederaan diperincikan kadarnya melalui al-Quran mahupun hadis, panduan yang boleh difahami daripada kedua sumber perundangan ini perlu diteliti bagi memandu para hakim dalam membuat penetapan kadar yang selari dengan tuntutan syariat.

GANTI RUGI BAGI KECEDERAAN DIRI DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Obligasi pembayaran diat bagi kesalahan menghilangkan nyawa secara tidak sengaja, diperuntukkan melalui al-Quran iaitu pada ayat 92 surah al-Nisā’ seperti berikut:

Terjemahan: *Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kafarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar diat (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga simati), kecuali jika mereka sedekahkan kepada ahlinya (memaafkannya). Tetapi*

⁸ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Ḍamān al-‘Udwān*.

⁹ Al-Zuhaylī, *Naẓariyyat al-Ḍamān*, 112.

jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kafarah sahaja dengan) memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) daripada kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar 'diat' (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah dia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangnya daripada Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Melalui ayat di atas, dinyatakan bahawa pembalasan bagi kesalahan menghilangkan nyawa secara tidak sengaja adalah diat dan kafarah. Namun, ayat ini tidak memperincikan kadar diat yang diwajibkan. Perincian mengenai kadar diat dinyatakan melalui banyak hadith Nabi SAW. Bentuk kecederaan yang diperuntukkan dengan diat dan *arsh* antaranya dinyatakan dalam hadis berikut:

Daripada 'Amru bin Hazm: Bahawa Rasulullah SAW telah menulis sepucuk surat kepada penduduk Yaman yang di dalamnya ditulis tentang perkara-perkara wajib, sunat dan diat. Maka dibacakan surat itu kepada penduduk Yaman begini tulisannya:

”أَنَّ مَنْ اعْتَبَطَ مُؤْمِنًا قَتْلًا عَنْ بَيْتِهِ، فَإِنَّهُ قَتَوْدٌ إِلَّا أَنْ يَرْضَى
أَوْلِيَاءَ الْمَقْتُولِ، وَأَنَّ فِي النَّفْسِ الدِّيَةَ مِائَةٌ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي
الْأَنْفِ إِذَا أَوْعِبَ جَدْعُهُ الدِّيَةُ، وَفِي اللِّسَانِ الدِّيَةُ، وَفِي
الشَّفَتَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الْبَيْضَتَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الذَّكْرِ الدِّيَةُ، وَفِي
الصُّلْبِ الدِّيَةُ، وَفِي الْعَيْنَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الرَّجْلِ الْوَاحِدَةِ نِصْفُ
الدِّيَةِ، وَفِي الْمَأْمُومَةِ ثَلَاثُ الدِّيَةِ، وَفِي الْجَائِفَةِ ثَلَاثُ الدِّيَةِ، وَفِي
الْمُنْقَلَةِ خَمْسَ عَشْرَةَ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي كُلِّ أَصْبَعٍ مِنْ أَصَابِعِ
الْيَدِ وَالرَّجْلِ عَشْرٌ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي السِّنِّ خَمْسٌ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي

المُوضِحَةَ حَمْسٌ مِنَ الْإِبِلِ، وَأَنَّ الرَّجُلَ يُقْتَلُ بِالْمَرْأَةِ وَعَلَى
أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفُ دِينَارٍ.¹⁰

Terjemahan: “*Sesungguhnya yang sengaja membunuh seorang Mukmin, maka dikenakan ke atasnya qisas kecuali wali yang terbunuh memaafkannya, dan sesungguhnya pada satu nyawa seratus ekor unta, dan pada hidung jika terpotong satu diat, dan pada lidah satu diat, pada dua bibir satu diat, pada pada dua buah zakar satu diat dan pada zakar satu diat dan pada tulang belakang satu diat, dan pada dua mata satu diyat, dan pada satu kaki setengah diat, dan pada luka sampai ke otak (al-ma’ūmah) 1/3 diyat, dan pada luka sampai ke rongga (al-jā’ifah) 1/3 diyat, dan pada luma yang menghancurkan tulang (al-munaqqilah) 15 ekor unta, dan pada setiap jari-jemari tangan dan kaki sepuluh ekor unta, dan pada satu gigi lima ekor unta, dan pada luka yang menampakkan tulang (al-muḍīḥah) lima ekor unta, dan sesungguhnya seorang lelaki itu dibunuh jika dia membunuh seorang wanita dan ke atas ahli emas seribu dinar.”*

Daripada hadis di atas, dapat difahami bahawa diat diperuntukkan bagi kehilangan nyawa dan kehilangan anggota atau fungsinya secara total, sama ada pada anggota tunggal atau berpasangan. *Arsh* pula ditetapkan bagi kehilangan satu daripada anggota berpasangan, kecederaan di kepala (*shijaj*) dan luka pada anggota (*jirah*). Apa yang jelas melalui hadith di atas juga adalah nilai satu diat ditetapkan sebanyak 100 ekor unta atau 1,000 dinar emas. Namun, selain daripada dua medium ini, para fuqaha menerima empat lagi medium pembayaran diat seperti perak 12,000 dirham,¹¹ lembu 200 ekor, kambing 2,000 ekor dan

¹⁰ *Sunan al-Nasā’ī al-Ṣughrā*, Kitāb al-Qasāmah, hadith no. 4797.

¹¹ Nilai 12,000 merupakan nilai yang ditetapkan oleh Nabi SAW. *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Diyāt, hadith no. 2629.

pakaian 200 pasang. Pembayaran melalui medium-medium ini juga disandarkan kepada Nabi SAW melalui beberapa riwayat.¹²

Dalam realiti semasa, transaksi ekonomi dilakukan menggunakan wang kertas. Unta, emas, perak, lembu, kambing dan pakaian tidak lagi digunakan sebagai medium transaksi kecuali dinar dan dirham di beberapa negara. Justeru, menurut perbincangan para sarjana, pembayaran diat pada zaman ini boleh dibuat menggunakan wang kertas bersandarkan kepada nilai diat yang ditetapkan melalui medium-medium di atas. Pihak pemerintah boleh menetapkan sandaran yang sesuai.¹³

Namun, daripada enam medium pembayaran tersebut, nilai emas dan perak dilihat lebih mudah untuk dinilai dan ditukar

¹² Pembayaran diat melalui medium dinar, dirham, lembu dan kambing disandarkan kepada riwayat Amru bin Shu'ayb berikut: "Ketika harga unta meningkat, Baginda pernah mengenakan kepada masyarakat kampung sebanyak empat ratus dinar, manakala dalam keadaan lain pula, mengenakan sehingga lapan ratus dinar ataupun bersamaan dengan lapan ribu dirham. Apabila diat dikenakan ke atas masyarakat yang memiliki lembu, ia hendaklah dibayar dengan dua ratus ekor lembu. Dan bagi masyarakat yang memiliki kambing, maka kadarnya ialah dua ribu ekor kambing." *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Diyāt, hadith no. 2630.

Pembayaran diat menggunakan medium pakaian pula, disandarkan kepada arahan khalifah Umar al-Khattab yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Amru Ibn Shu'aib daripada bapanya daripada datuknya seperti berikut: "Nilai diat di zaman Nabi SAW ialah 800 dinar atau 8000 dirham, manakala diat ahli kitab pada masa itu ialah separuh diat orang Islam. Katanya: Dan ia berterusan sedemikian sehinggalah Umar menjadi khalifah dan katanya lagi: Ketika harga unta meningkat, maka dinilai (unta) oleh Umar bagi orang yang bertransaksi dengan emas sebanyak seribu dinar, yang bertransaksi dengan dua belas ribu dirham, masyarakat yang memiliki lembu dengan dua ratus ekor lembu, masyarakat yang memiliki kambing dengan dua ribu ekor kambing dan masyarakat yang mengusahakan pakaian dengan dua ratus pasang pakaian." *Sunan Abī Dāwud*, 2: 536.

¹³ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Ḍamān al-'Udḡān*, 444.

dengan mata wang semasa.¹⁴ Antara dua medium ini pula, para pengkaji cenderung memilih 1,000 dinar yang bersamaan dengan 4250 gram emas 916 sebagai sandaran nilai diat terbaik dalam Ringgit Malaysia.¹⁵ Ini kerana nilai emas lebih stabil dan meningkat berbanding perak yang mengalami penurunan harga yang ketara.¹⁶ Walau bagaimanapun, jika harga emas mencecah nilai yang terlalu tinggi, kerajaan boleh juga mempertimbangkan 10,000 dirham¹⁷ atau 12,000. Pemilihan ini bergantung pada ijhtihad pemerintah, sesuai dengan amalan pada zaman Nabi SAW dan khalifah Umar al-Khattab ketika harga unta menjadi terlalu tinggi. Anggaran nilai diat dan *arsh* bagi kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh dalam Ringgit Malaysia semasa (setakat November 2019) yang bersandarkan kepada emas dan perak adalah seperti berikut:

Diat penuh mengikut nilai emas semasa:

1 dinar emas	= RM778.0018
1000 dinar emas	= RM778,000.00

Diat penuh mengikut nilai perak semasa:

1 dirham	= RM20.0019
12,000 dirham	= RM240,000.00

¹⁴ Siti Zubaidah Ismail, "Kecuaian dan Ganti rugi terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam," (Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005), 175.

¹⁵ Ibid, 184.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Nilai 10,000 dirham diputuskan oleh khalifah Umar al-Khattab di zaman pemerintahannya.

¹⁸ Dinar dan dirham Kelantan menepati syarat sebagai mata wang syariah yang halal menurut syarak berdasarkan piawaian Khalifah Umar Al-Khattab. Piawaian ini menetapkan hubungan dinar-dirham sebagai berat 7 koin 1 dinar bersamaan dengan berat 10 koin 1 dirham. Secara amnya berat 1 dinar ialah 4.25g emas berketulenan 22k (91.7%); manakala 1 koin dirham bersamaan 2.975g perak tulen. Portal rasmi Kelantan Golden Trade, capaian pada 1 November 2018, https://kgt.com.my/shop/index.php?route=product/product&product_id=58&search=dinar.

¹⁹ Portal rasmi Kelantan Golden Trade, capaian pada 1 November 2018, <https://kgt.com.my/shop/index.php?route=product/search&search=dirham>

Penetapan Ganti Rugi bagi Pelbagai Kecederaan Diri
Menurut Perundangan Islam

Jadual 1: Nilai Diat Semasa Berdasarkan Nilai Emas dan Perak bagi
Pelbagai Jenis Kehilangan dan Kecederaan Anggota Tubuh
(Setakat November 2019)

Bil	Jenis anggota/ manfaat	Kadar diat/ <i>arsh</i>	Nilai berdasarkan emas	Nilai berdasarkan perak
Kehilangan nyawa		Diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
A. Kehilangan anggota tubuh				
(i) Anggota tunggal pada badan				
1.	Hidung	Diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
2.	Zakar			
3.	Lidah			
4.	Tulang belakang (<i>al-sulb</i>)			
5.	Kulit (<i>al-jald</i>)			
6.	Seluruh rambut	Diat penuh menurut mazhab Hanafi dan Hanbali. <i>Hukūmah al-'adl</i> menurut mazhab Maliki dan Syafi'i adalah lebih rajih. Ini kerana rambut tidak sama seperti anggota lain (tangan, kaki). Ia hanya berfungsi untuk kecantikan seseorang sahaja.		
(ii) Anggota berpasangan dua				

1.	Dua mata	Kehilangan sepasang (kedua-duanya)- Diat penuh (100%)	Kehilangan sepasang = RM778,000.00	Kehilangan sepasang = RM240,000.00
2.	Dua tangan			
3.	Dua kaki			
4.	Dua telinga			
5.	Dua bibir			
6.	Dua payudara dan dua puting	Kehilangan satu bahagian -separuh diat (50%)	Kehilangan satu bahagian = RM389,000.00	Kehilangan satu bahagian = RM120,000.00
7.	Dua buah zakar (<i>al-baydatayn/ al-unthayayn</i>)			
8.	Dua papan punggung (<i>al-aliyatayn</i>)			
9.	Dua labia/ bibir faraj (<i>al-shafrayn</i>)			
10.	Dua tulang rahang (<i>al-lihyayn</i>)			
(iii) Anggota berpasangan empat				
1.	Kelopak mata (<i>al-ajfan</i>) dan bulu mata (<i>al-ahdab</i>)	Hilang keempat-empat- diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
		¼ diat bagi setiap satu- (25%)	RM194,500.00	RM60,000.00
(iv) Anggota berpasangan sepuluh dan lebih				
1.	Jari-jari tangan dan kaki	Hilang kesemua- diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
		1/10 bagi setiap satu – (10%)	RM77 800.00	RM24,000.00
2.	Gigi	Hilang kesemua- diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
		Sebatang gigi kekal– 1/20 diat (5%)	RM38,900.00	RM12,000.00
B. Kehilangan manfaat atau fungsi anggota yang normal				
(i) Hilang manfaat pancaindera (<i>al-hawās</i>)- kehilangan deria yang diperolehi melalui anggota badan tertentu				
1.	Pendengaran	Kedua-dua pendengaran – diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
		Sebelah pendengaran sahaja- diat separuh (50%)	RM389,000.00	RM120,000.00

Penetapan Ganti Rugi bagi Pelbagai Kecederaan Diri
Menurut Perundangan Islam

2.	Penglihatan	Kedua-dua penglihatan - diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
		Sebelah penglihatan - diat separuh (50%)	RM389,000.00	RM120,000.00
3.	Bau	Ada beberapa pandangan:		
		i) Jumhur- diat penuh	RM778,000.00	RM240,000.00
		ii) Jika deria hilang melalui salah satu lubang hidung- separuh diat	RM389,000.00	RM120,000.00
		iii) Sebahagian Syafi'i- <i>ḥukūmah al-'adl</i>		
4.	Rasa	Ada beberapa pandangan:		
		i) Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan satu riwayat dalam mazhab Hanbali- diat penuh	RM778,000.00	RM240,000.00
		ii) Imam Ahmad-1/3 diat	RM259,333.33	RM80,000.00
		iii) Imam nawawi- kalau hilang salah satu rasa 1/5 diat (manis, pahit, masam, masin dan pedas)	RM155 600.00	RM48,000.00
5.	Rasa sentuhan (<i>al-lams</i>)	Diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
(ii) Hilang manfaat <i>al-ma'ānī</i> – manfaat yang tidak terletak di anggota tertentu				

1.	Hilang akal	Hilang keupayaan sepenuhnya, diat penuh (100%)	RM778,000.00	RM240,000.00
2.	Kehilangan kemampuan untuk berkata-kata			
3.	Kehilangan suara			
4.	Kemampuan untuk makan seperti mengunyah makanan			
5.	Kemampuan melakukan hubungan seksual			
6.	Kemampuan berejakulasi			
7.	Kemampuan untuk mengandung			
8.	Kemampuan untuk berjalan			
9.	Kemampuan tangan untuk menggenggam			
C. Luka dan kecederaan				
(i) Luka dan kecederaan di bahagian muka dan kepala (<i>Shijaj</i>)				
1.	<i>Damighah</i> -luka yang meretakkan tengkorak dan melukakan membran otak	Terdapat dua pandangan dalam hal ini iaitu :	RM389,000.00	RM120,000.00
		<ul style="list-style-type: none"> • ½ diat • 1/3 diat (33.33%) 	RM259,333.33	RM80,000.00
2.	<i>Ma'mūmah</i> – Luka yang sampai ke tengkorak	1/3 diat (33.33%)	RM259,333.33	RM80,000.00
3.	<i>Munaqqilah</i> – Luka yang menampakkan dan menghancurkan tulang	15 ekor unta= 3/20 diat (15%)	RM116,700.00	RM36,000.00

Penetapan Ganti Rugi bagi Pelbagai Kecederaan Diri
Menurut Perundangan Islam

4.	<i>Hashīmah</i> – Luka yang mematahkan tulang	1/10 diat (10%)	RM77,800.00	RM24,000.00
5.	<i>Muwaḍḍihah</i> – Luka sampai menampakkan tulang atau meretakkannya.	1/20 diat (5%)	RM38,900.00	RM12,000.00
(ii) Luka dan kecederaan di bahagian lain (<i>Jirah</i>)				
1.	<i>Ja'ifah</i> – luka dan kecederaan yang menembusi rongga badan seperti di dada, perut, dubur dan rusuk.	1/3 diat (33.3%)	RM259,333.33	RM80,000.00
D. Keguguran kandungan				
1.	Bayi telah dilahirkan hidup tetapi meninggal kemudiannya kesan daripada perbuatan salah yang dilakukan ke atas ibunya	Diat penuh untuk bayi	RM778,000.00	RM240,000.00
2.	Bayi dilahirkan mati kesan daripada perbuatan salah yang dilakukan ke atas ibunya	<i>Ghurrah</i> - 5 ekor unta 1/20 diat (5%) untuk bayi	RM38,900.00	RM12,000.00
3.	Akibat kecederaan, ibu meninggal dunia bersama kandungan di dalam perutnya	Tiada diat untuk bayi kerana kematiannya berlaku akibat kematian ibu. Diat penuh untuk ibu	RM778,000.00	RM240,000.00

Jadual 1 di atas menyenaraikan bentuk kehilangan dan kecederaan yang diperuntukkan dengan diat dan *arsh*. Kadar tersebut bersifat mengikat dan perlu diputuskan oleh para hakim bagi bentuk-bentuk kecederaan yang dinyatakan. Perubahan nilai hanya berlaku pada nilai Ringgit Malaysia sesuai dengan

perubahan harga emas dan perak semasa. Selain daripada kehilangan dan kecederaan di atas, penilaiannya terpulang kepada para hakim sebagai *ḥukūmah al-‘adl*.

Daripada jadual di atas juga, dapat dilihat perbezaan kadar diat menggunakan nilai emas dan perak. Kerajaan boleh memilih sandaran nilai yang bersesuaian agar jumlah keseluruhan ganti rugi daripada beberapa diat, *arsh* dan *ḥukūmah al-‘adl* yang dikenakan bagi pelbagai kecederaan yang dialami oleh mangsa nanti, tidak terlalu tinggi.

PENETAPAN GANTI RUGI BAGI KECEDEeraan DIRI YANG PELBAGAI

Terdapat dua asas pelaksanaan sesuatu taklifan yang ditaklifkan ke atas mukallaf iaitu *ta‘addud* dan *tadākhul*. Secara amnya *ta‘addud* merupakan asas pelaksanaan sesuatu taklifan syarak iaitu setiap sesuatu mesti dikerjakan atau ditunaikan secara berasingan, namun dalam sesetengah keadaan *tadākhul* menjadi asas pelaksanaan sesuatu hukum. Apabila ia menepati kaedah-kaedah yang membolehkan berlakunya sesuatu hukum secara *tadākhul*.

Daripada nas al-Quran dan hadis yang menetapkan kadar diat dan *arsh* ini, terbit beberapa kaedah penetapan melalui ijtihad para fuqaha. Ijtihad berlaku dalam beberapa keadaan. Pertama, apabila kecederaan melibatkan beberapa anggota tubuh yang berlainan. Kedua, apabila kehilangan anggota atau manfaatnya dan kecederaan bertindan di bahagian yang berkaitan. Ketiga, kecederaan yang berlaku adalah kecil dan kehilangan anggota tidak berlaku secara total. Bagi kecederaan bentuk yang pertama, kaedah *al-ta‘addud* digunakan. Manakala bagi kecederaan bentuk kedua, kaedah *al-tadākhul* diaplikasi dan bentuk kecederaan ketiga ditetapkan kadar ganti rugi berdasarkan kaedah nisbah.

Secara umumnya, diat dan *arsh* diberikan secara *ta‘addud* atau berasingan bagi beberapa kecederaan dan hilang keupayaan yang menimpa mangsa. Kadar keseluruhan diat dan *arsh* yang diperuntukkan bagi seseorang mangsa tidak mempunyai had minimum atau maksimum. Ini kerana penetapan kadarnya bergantung pada bilangan kehilangan dan kecederaan anggota.

Sekiranya seorang pemandu menyebabkan kematian beberapa orang mangsa, dia bertanggungjawab menjelaskan diat bagi setiap nyawa tersebut.²⁰ Jika seorang pemandu menyebabkan beberapa kecederaan ke atas individu tertentu, dia bertanggungjawab ke atas kesemua kecederaan tersebut.²¹ Berdasarkan perbincangan fuqaha, seorang mangsa boleh menerima sehingga 27 diat bagi pelbagai kehilangan anggota dan hilang keupayaan total yang berlaku terhadap anggota tubuhnya.²²

Konsep *al-tadākhul* dalam hukuman diat terhadap kecederaan yang pelbagai

Dalam keadaan tertentu, ganti rugi boleh disatukan iaitu apabila kecederaan dan hilang keupayaan berlaku pada anggota yang sama. Penyatuan ganti rugi ini dibuat berdasarkan kaedah *al-tadākhul*. Dari segi bahasa, *al-tadākhul* merupakan perkataan daripada bahasa Arab iaitu *تداخل*, disebut dengan bacaan huruf *tā'* berbaris atas, dan huruf *khā'* berbaris depan. Secara etimologinya ia berasal dari kata akar *دخل* yang membawa erti masuk dan berlawanan dengannya ialah *خرج* yang bermaksud keluar. Kalimah *تداخل* dari segi bahasa dibina atas *wazan* *تفاعل* yang membawa erti saling, ianya memenuhi maksud perkongsian di antara dua perkara dan boleh juga dikatakan saling memasuki. Menurut Ibn Manzūr²³, ungkapan *تداخل الأمور* memberi erti *تشبهها* (menyerupai), atau (memakaikan), atau memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu yang lain.

Manakala daripada sudut terminologi, terdapat pelbagai takrifan yang dinyatakan. Menurut al-Suyūṭī, *al-tadākhul*

²⁰ Sa'dī Abū Jīb, *Mawsū'at al-Ijmā' fi al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1999), 1: 437.

²¹ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Ḍamān al-'Udwān*, 446; Sa'dī Abū Jīb, *Mawsū'at al-Ijmā'*, 1: 437; Najm 'Abd Allah Ibrāhīm al-'Aysāwī, *al-Jināyah 'alā al-Aṭrāf fi al-Fiqh al-Islāmī* (Dubai: Dār al-Buḥūth li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa Iḥyā' al-Turāth, 2002), 350.

²² Bilangan diat bagi seorang mangsa ini adalah berbeza-beza menurut pandangan fuqaha. Ini kerana pengkelasan anggota dan had anggota yang berbeza di antara mereka. Al-'Aysāwī, *al-Jināyah 'alā al-Aṭrāf*, 350.

²³ Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Iḥyā' Turāth al-'Arabī, 1999), 4: 209.

adalah dihimpunkan dua perkara dari jenis yang sama, dan tidak berbeza tujuannya, dimasukkan satu daripadanya kepada lain yang lebih besar.²⁴ Pengertian ini sama dengan pentakrifan Ibn Nujaym dalam kitabnya *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*.²⁵ Al-Jurjānī pula mendefinisikan *al-tadākhul* sebagai memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu yang lain tanpa penambahan dari segi isi padu dan kadarnya.²⁶ Al-Qarrāfi menghuraikan *tadākhul* boleh berlaku apabila terdapat beberapa sebab yang sama berlakunya sesuatu perbuatan itu.²⁷

Rumusannya, *tadākhul* boleh difahami sebagai menghimpunkan dua hukum syarak dengan memadai melakukannya dengan satu perbuatan sahaja iaitu dengan cara memasukkan kepada hukum yang lebih besar dan mendapat pahala ganjaran dan fadilat kedua-dua amalan tersebut. Dalam erti kata lain, kaedah ini bermaksud mengambil satu hukum daripada dua hukum yang berbeza, bagi dua perkara yang berlaku.²⁸ Justeru dalam konteks penetapan diat, nilai ganti rugi bagi dua bentuk kerosakan disatukan dengan memilih salah satu nilai sahaja.²⁹ Penyatuan ganti rugi ini dilakukan berpandukan kaedah *tadākhul* di dalam hukum sebagaimana berikut:

إِذَا اجْتَمَعَ أَمْرَانِ مِنْ جِنْسٍ وَاحِدٍ، وَلَمْ يَخْتَلِفْ مَقْصُودُهُمَا، دَخَلَ
أَحَدُهُمَا فِي الْآخَرِ غَالِيًا

Terjemahan: “Apabila berkumpul dua perkara daripada jenis yang sama dan tidak bertentangan

²⁴ Jalāl al-Dīn ‘Abd Raḥman al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* (Kāherah: Dār Salam, 2009), 288.

²⁵ Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm Ibn Nujaym, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* (Damsyik: Dār Fikr, 2005), 147.

²⁶ ‘Alī Bin Muhammad Syarīf al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta‘arīfāt* (Bāyruṭ: Maktabah Lubnān, 1985), 54.

²⁷ Aḥmad bin Idrīs al-Qarrāfi, *al-Furūq* (Beirut: Dār Kutub ‘Ilmiyyah, 1998), 2: 54.

²⁸ Khālīd bin Sa‘ad al-Khashlān, *al-Tadākhul bayn al-Aḥkām fī al-Fiqh al-Islāmī* (Riyad: Dār Ishbiliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1999), 1: 49.

²⁹ Zakariyyā al-Qudah, “Ijtimā‘ al-‘Uqūbah al-Muqaddarah fī al-Fiqh al-Islāmī,” *Majallah al-Sharī‘ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 4, no. 8 (Ogos 1987), 127.

maksud pensyariatannya, kebiasaannya digabungkan salah satu daripadanya ke dalam satu lagi."³⁰

Kaedah di atas menetapkan bahawa apabila dua perkara bertindan, satu hukum boleh diperuntukkan. Namun, penetapan satu hukum sahaja bagi dua perkara ini boleh berlaku apabila wujud dua syarat. Pertama, kedua-dua perkara mestilah daripada jenis yang sama dan kedua, tujuan pensyariatannya juga sama. Syarat ini dihuraikan lebih lanjut oleh para fuqaha yang menetapkan bahawa persamaan perlu wujud pada bentuk perbuatan,³¹ masa,³² tempat,³³ mangsa³⁴ dan pelaku³⁵ perbuatan tersebut. Dalam aspek penetapan ganti rugi bagi kes kemalangan jalan raya, penyatuan ganti rugi boleh berlaku apabila kecederaan dan kehilangan manfaat berlaku pada anggota yang sama, diakibatkan oleh pelaku yang sama dalam masa yang sama.

Sekiranya wujud persamaan bagi kesemua aspek tersebut, penyatuan ganti rugi boleh dilakukan dengan mengambil nilai ganti rugi yang lebih tinggi. Dalam hal ini, al-Sarakhsī menetapkan satu diat sahaja bagi luka yang menimpa kepala (*muwaddīḥah*) dan kerosakan kulit kepala yang menyebabkan botak kekal. Diat ini adalah bagi kerosakan kulit kepala yang menyebabkan botak kekal. *Arsh* bagi luka di kepala, ditindankan ke dalam diat tersebut.³⁶

³⁰ Lafaz yang sedikit berbeza digunakan oleh Ibn Rajab (*al-Qawā'id li Ibn Rajab*) seperti berikut:

إذا اجتمعت عبادتان من جنس في وقت واحد ليست إحداهما مفعولة على جهة القضاء ولا على طريق التبعية للأخرى في الوقت تداخلت أفعالهما واكتفى فيهما بفعل واحد

³¹ Apa yang dimaksudkan dengan persamaan bentuk perbuatan ialah sama ada sengaja, separuh sengaja mahupun tidak sengaja. Al-Suyūfī, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir* (al-Maktabah al-Shāmilah, versi 3.28), 230; al-Khashlān, *al-Tadākhul bayn al-Aḥkām*, 2: 823.

³² 'Abd al-Raḥman bin Ṣāliḥ, *al-Qawā'id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah al-Mutadaminah li al-Taysir* (al-Maktabah al-Shāmilah, versi 3.28), 83; al-Khashlān, *al-Tadākhul bayn al-Aḥkām*, 2: 823.

³³ Al-Suyūfī, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, 230.

³⁴ Al-Khashlān, *al-Tadākhul bayn al-Aḥkām*, 1: 131.

³⁵ Al-Khashlān, *al-Tadākhul bayn al-Aḥkām*, 2: 823.

³⁶ Shams al-Dīn al-Sarakhsī, *al-Mabsūṭ* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t), 26: 98.

Contoh lain yang dikemukakan oleh al-Sarakhsī, ialah pertindanan *ḥukūmah al-‘adl* bagi tapak tangan yang terpotong ke dalam *arsh* jari-jemari yang telah ditetapkan syarak. Beliau tidak memutuskan *ḥukūmah al-‘adl* yang berasingan apabila kebanyakan jari masih wujud pada tapak tangan tersebut.³⁷ Secara umum, ini adalah pandangan yang disepakati dalam mazhab Hanafi. Perbezaan pandangan timbul dalam kes seumpama ini, apabila nilai *arsh* lebih kecil berbanding *ḥukūmah al-‘adl*. Contohnya apabila nilai *arsh* sebatang jari yang tinggal lebih kecil berbanding *ḥukūmah al-‘adl* tapak tangan yang diputuskan oleh hakim.³⁸

Dalam hal ini, pandangan mereka terbahagi kepada dua. Pertama, kadar yang perlu ditetapkan adalah berdasarkan kadar *arsh* yang telah ditetapkan syarak walaupun kadar *arsh* tersebut adalah kecil.³⁹ Kedua, kadar yang perlu ditetapkan ialah kadar yang lebih banyak walaupun melalui *ḥukūmah al-‘adl*, bukan

³⁷ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 82.

³⁸ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 82 - 83.

³⁹ Dalam hal ini, Abu Hanifah kekal dengan pandangan bahawa pertindihan dilakukan dengan memasukkan nilai anggota yang tidak ditetapkan kadar ganti ruginya ke dalam ganti rugi anggota yang ditetapkan kadarnya oleh syarak. Ini bermakna *ḥukūmah al-‘adl* bagi tapak tangan ditindakan ke dalam *arsh* jari dan penetapan remedi dibuat dengan mengambil nilai *arsh* dua atau sebatang jari yang tinggal. Beliau mengemukakan hujah bahawa *arsh* jari adalah sabit daripada nas manakala *ḥukūmah al-‘adl* bagi tapak tangan pula sabit daripada keputusan atau pandangan hakim. Justeru, nilai yang diperuntukkan oleh nas lebih patut diutamakan walaupun mungkin kadarnya kurang daripada *ḥukūmah al-‘adl* yang mungkin ditetapkan oleh hakim. Ini kerana beliau berpendapat pandangan atau ijthad (*al-ra’y*) tidak boleh bersalahan dengan nas. Ketegasan Abu Hanifah dalam berpegang pada prinsip ini jelas apabila beliau menetapkan bahawa ganti rugi bagi tapak tangan tetap perlu ditindakan ke dalam *arsh* walaupun hanya tinggal satu ruas pada sebatang jari (*al-mafṣal*) sahaja yang nilai *arsh*nya hanyalah satu pertiga daripada *arsh* sebatang jari. Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 83 dan 98.

kadar *arsh*.⁴⁰ Dalam hal ini, penulis bersetuju dengan pandangan umum bahawa nilai yang lebih tinggi diambil sebagai ganti rugi. Ini lebih menepati masalah kepada mangsa.

Bagi menentukan sama ada pertindanan kehilangan manfaat dan kecederaan anggota berlaku, para sarjana menyimpulkan beberapa panduan. Pertama, pertindanan berlaku apabila manfaat anggota hilang bersama dengan anggota.⁴¹ Manfaat pertuturan dan deria rasa contohnya, hilang apabila lidah mangsa terpotong. Dalam kes ini, mangsa hanya diberikan satu diat sahaja iaitu bagi kehilangan lidah bersama manfaatnya.⁴² Kedua, pertindanan tidak berlaku jika manfaat anggota hilang, sedangkan anggota pula kekal dalam keadaan baik. Dalam keadaan ini, ganti rugi diberikan secara berasingan. Sebagai contoh, lidah mangsa kekal baik, tetapi deria rasa dan pertuturannya hilang.⁴³

Masalah yang lebih kompleks dan mengundang banyak perselisihan seperti kecederaan kepala yang menyebabkan kehilangan pendengaran, penglihatan dan pertuturan, mahupun

⁴⁰ Abu Yusuf dan Muhammad pula sebaliknya memilih metod umum bagi kaedah *al-tadākhul* dalam penetapan ganti rugi iaitu menggabungkan nilai yang sedikit ke dalam nilai yang lebih besar dalam keadaan yang wujud hanya sebatang atau dua jari sahaja. Mereka berpandangan ganti rugi yang patut diberikan ialah *ḥukūmah al-'adl* yang mewakili tapak tangan apabila nilainya lebih besar nilainya berbanding *arsh* jari yang tinggal. Mereka mengibaratkan keadaan kehilangan sebahagian besar jari seperti kehilangan keseluruhannya kerana manfaat genggamannya tidak lagi boleh dijalankan oleh sebahagian kecil jari yang tinggal. Oleh kerana itu, ganti rugi yang ditetapkan bagi keadaan ini juga disamakan dengan keadaan terpotongnya tapak tangan yang tidak mempunyai jari padanya iaitu *ḥukūmah al-'adl*. Ibid, 26: 82.

⁴¹ Al-Aysāwī, *al-Jināyah 'alā al-Aṭrāf*, 351.

⁴² Al-Khashlān, *al-Tadākhul bayn al-Aḥkām*, 2: 825.

⁴³ Al-Khashlān, *al-Tadākhul bayn al-Aḥkām*, 2: 825.

manfaat dalam bentuk *al-ma'ānī* yang lain⁴⁴ seperti akal, penentuannya boleh dirujuk kepada pakar.⁴⁵ Khidmat pakar pernah digunakan oleh Saidina Abu Bakar r.a dalam penentuan bentuk pembalasan yang sesuai dikenakan dalam satu kes yang melibatkan kehilangan telinga mangsa.⁴⁶

Dalam perbincangan fuqaha, berlaku perselisihan dalam menetapkan ganti rugi bagi kecederaan kepala yang menyebabkan kehilangan pendengaran, penglihatan dan pertuturan. Al-Sarakhsī contohnya, menetapkan ganti rugi secara berasingan iaitu tiga diat bagi kehilangan manfaat-manfaat tersebut beserta *arsh* luka. Walau bagaimanapun, Abu Yusuf pula berpendapat bahawa *arsh* luka digabungkan dengan diat kehilangan manfaat pendengaran dan pertuturan manakala kehilangan manfaat penglihatan pula diberikan diat yang berasingan. Ini bermakna mangsa perlu diberikan dua diat.

⁴⁴ *Al-Ma'ānī* ialah manfaat anggota selain daripada pancaindera (*al-ḥawās* terbahagi kepada lima iaitu deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat dan deria sentuh). *Al-Ma'ānī* antaranya ialah akal, manfaat pertuturan atau kemampuan bercakap, manfaat suara, manfaat makan (mengunyah), manfaat jimak, manfaat ejakulasi (الإمضاء), kemampuan mengandung dan melahirkan anak, kemampuan mengenggam tangan (البطش), kemampuan berjalan, kemampuan pada batang leher untuk melakukan gerakan seperti menanduk (الإحبال). Al-Aysāwī, *al-Jināyah 'alā al-Aṭrāf*, 306.

⁴⁵ Hasil siasatan ini merupakan hujah yang lebih absah dan boleh dipercayai berbanding dakwaan mangsa sendiri. Ia juga mengatasi hujah-hujah aqli seperti yang dikemukakan oleh para fuqaha bahkan boleh mengatasi ijtihad para sahabat yang dilakukan sesuai dengan pengetahuan dan perkembangan ilmu di zaman mereka. Bahkan pandangan pakar dianggap sebagai bonus dalam prosedur siasatan di dalam Islam bagi mengumpul bukti-bukti jenayah. Muḥammad Rashīd al-'Umar, *Uṣūl al-Taḥqīq al-Jinā'ī fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah* (Damsyik: Dār al-Nawādir, 2008), 156.

⁴⁶ Dalam satu kejadian yang berlaku di zaman Abu Bakar r.a, seorang budak telah dipotong telinganya. Dalam memutuskan hukuman yang sesuai kepada pelakunya sama ada boleh diqisas atau memadai dengan diat, Saidina Abu Bakar r.a merujuk kepada seorang yang pakar dalam hal-hal kecederaan. Muḥammad Rashīd al-'Umar, *Uṣūl al-Taḥqīq al-Jinā'ī*, 161.

Perbezaan pandangan ini timbul disebabkan perbezaan pandangan mereka dalam menentukan kedudukan manfaat-manfaat tersebut. Abu Yusuf berpandangan manfaat penglihatan adalah jelas dan zahir kedudukannya secara hukum dan hakikat sedangkan manfaat pendengaran dan pertuturan pula bersifat batin atau tidak kelihatan. Justeru itu, diat bagi deria penglihatan yang zahir kedudukannya diberikan secara berasingan sedangkan manfaat pendengaran dan pertuturan yang sama-sama bersifat batin kedudukannya digabungkan dengan luka kepala. Penggabungan dua manfaat yang batin ini dengan *arsh* luka kepala dilakukan sebagaimana digabungkan diat kehilangan akal yang bersifat batin dengan *arsh* bagi luka di kepala.

Pandangan ini berbeza dengan pandangan al-Sarakhsī yang menetapkan ganti rugi secara berasingan. Ini kerana menurut mereka kedudukan deria dengar bukan terletak di kepala tempat kecederaan berlaku. Begitu juga dengan penglihatan dan pertuturan. Justeru, diat kesemua manfaat anggota yang berlainan kedudukannya itu perlu diberikan secara berasingan. Al-Sarakhsī menyokong pandangan beliau dengan penghakiman Saidina Umar yang menetapkan empat diat secara berasingan bagi kehilangan akal, penglihatan, pertuturan dan manfaat seksual akibat kecederaan kepala yang menimpa seorang lelaki seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini.⁴⁷

Bagi kecederaan kepala yang melibatkan kehilangan akal pula, perselisihan pandangan oleh fuqaha terbahagi kepada tiga pandangan. Pertama, ganti rugi bagi kecederaan kepala dan kehilangan akal diberikan secara berasingan. Ini kerana akal adalah satu manfaat yang tidak mempunyai tempat atau anggota yang khusus, maka tempat kecederaan kepala tersebut tidak sama dengan tempat kehilangan akal. Pandangan kedua, *arsh* kecederaan disatukan bersama diat kehilangan akal. Mereka berhujah bahawa kehilangan akal telah menghilangkan manfaat keseluruhan anggota tubuh atau dalam erti kata lain, keseluruhan anggota tidak bermanfaat tanpa kewujudan akal. Akal manusia juga tidak mempunyai tempat yang khusus di badan, sepertimana kedudukan ruh kepada jasad. Pandangan ketiga pula menetapkan bahawa jika kecederaan kepala tersebut mencapai kadar satu diat,

⁴⁷ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūṭ*, 26: 99.

maka ia tidak boleh ditindakan bersama diat kehilangan akal. Jika kadarnya lebih rendah, maka menurut satu pandangan, kedua-dua ganti rugi hendaklah disatukan.⁴⁸ Dalam hal ini, penyelesaian dapat dibuat dengan merujuk kepada keterangan pakar. Dengan bantuan teknologi semasa, pengelasan kecederaan kepada satu anggota yang sama atau dua anggota yang berlainan dapat ditentukan dengan lebih tepat.

Penetapan Kadar Ganti Rugi Berdasarkan Nisbah

Bagi kecederaan kecil anggota, kadar ganti ruginya ditetapkan oleh para fuqaha menggunakan kaedah nisbah. Kadar ganti rugi ditetapkan berdasarkan nisbah kecederaan yang berlaku terhadap anggota penuh yang ditetapkan nilai diat atau *arshnya*. Kaedah ini boleh disandarkan kepada hadith Nabi SAW. Antaranya berkenaan penetapan setengah diat bagi kehilangan salah satu daripada anggota berpasangan dua⁴⁹ dan satu persepuluh diat bagi anggota berpasangan sepuluh.⁵⁰ Daripada hadith Nabi SAW berkenaan, para fuqaha menetapkan setengah diat bagi kehilangan sebelah payudara dan puting susu wanita, tulang rahang, bibir kemaluan dan papan punggung.⁵¹ Satu perempat diat pula ditetapkan bagi anggota yang berpasangan empat seperti kelopak mata dan bulu

⁴⁸ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 99; Al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Aṭrāf*, 335-337.

⁴⁹ Anggota berpasangan dua yang ditetapkan kadarnya melalui hadis secara jelas ialah tangan, kaki, mata, bibir, telinga dan dua buah zakar. Lihat *Sunan Abī Dāud*, Kitāb al-Diyyāt, Bāb Diyyāt al-A‘dā’, hadith no. 4564; *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Qasāmah wa al-Qawad wa al-Diyyāt, Dhikru Ḥadīth ‘Amru bin Ḥazm fī al-‘Uqūl wa Ikhtilāf al-Nāqilīn lahu, hadith no. 4657 dan 4658.

⁵⁰ Anggota berpasangan sepuluh ialah jari-jari tangan dan kaki. Lihat *Sunan Abī Dāud*, Kitāb al-Diyyāt, Bāb Diyyāt al-A‘dā’, hadith no. 4556, 4557, 4562 dan 4564; *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, Abwāb al-Diyyāt, Bāb mā Jā’a fī Diyyāt al-Aṣābi‘, hadith no. 1391; *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Qasāmah wa al-Qawad wa al-Diyyāt, Bāb ‘Aql al-Aṣābi‘, hadith no. 4848, 4860 dan 4861; *Sunan Ibn Mājah*, Abwāb al-Diyyāt, Bāb Diyyāt al-Aṣābi‘, hadith no. 2653.

⁵¹ Al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Aṭrāf*, 272-284.

mata.⁵² Para fuqaha juga berijtihad menetapkan kadar satu pertiga *arsh* jari bagi setiap ruas pada sebatang jari (الأُتْمَلَة).⁵³

Kaedah ini juga diaplikasikan dalam penetapan kadar *arsh* bagi kecederaan kecil anggota dan pancaindra. Ini juga bersandarkan kepada hadith Nabi SAW yang menetapkan satu pertiga diat bagi kecederaan mata yang sedia buta,⁵⁴ satu pertiga diat bagi tangan yang sudah sedia lumpuh ketika dipotong⁵⁵ dan satu pertiga diat bagi gigi yang sudah sedia hitam ketika dicabut.⁵⁶

Walau bagaimanapun, bagi kes yang lebih kompleks, berlaku perselisihan pendapat di kalangan fuqaha. Contohnya, terdapat empat pandangan dalam menetapkan *arsh* kehilangan sebahagian manfaat pertuturan. Pertama, penetapan *arsh* dibuat berdasarkan nisbah bilangan huruf yang tidak boleh dituturkan oleh mangsa, daripada 28 huruf arab.⁵⁷ Pandangan kedua pula, penisbahan dibuat terhadap 16 atau 18 huruf yang biasa dituturkan oleh percakapan (*al-ḥurūf al-muta'alliqah bi al-lisān*).⁵⁸ Ketiga, nisbah

⁵² Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 70; Al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Aṭrāf*, 284-287.

⁵³ Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 75; Al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Aṭrāf*, 289-290.

⁵⁴ *Sunan Abī Dāud*, Kitāb al-Diyyāt, Bāb Diyyāt al-A‘dā’, hadith no. 4567; *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Qasāmah wa al-Qawad wa al-Diyyāt, Bāb al-‘Ayn al-‘Awrā’ al-Saddah li Makānihā Idhā Ṭumisat, hadith no. 4844.

⁵⁵ *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Qasāmah wa al-Qawad wa al-Diyyāt, Bāb al-‘Ayn al-‘Awrā’ al-Saddah li Makānihā Idhā Ṭumisat, hadith no. 4844.

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Ini merupakan salah satu daripada tiga pandangan di dalam mazhab hanafi, salah satu daripada dua pandangan dalam mazhab Syafie dan salah satu daripada dua pandangan dalam mazhab Hanbali. Rujuk perbincangan di dalam al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Aṭrāf*, 339-340; Al-Nawawī, *al-Minhāj* (al-Maktabah al-Shamilah versi 3.28), 1: 411.

⁵⁸ Pembahagian dibuat berdasarkan 16 huruf ini merupakan salah satu pandangan dalam mazhab Hanafi manakala pembahagian berdasarkan 18 huruf pula adalah salah satu pandangan dalam mazhab Syafie dan Hanbali. Rujuk perbincangan di dalam al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Aṭrāf*, 339-342.

kehilangannya perlu merujuk kepada ijtihad pakar.⁵⁹ Keempat, *diyāt* penuh diberikan jika mangsa tidak mampu menuturkan kebanyakan huruf, manakala *ḥukūmah al-‘adl* pula diberikan jika sedikit.⁶⁰

Kaedah nisbah diaplikasikan oleh para fuqaha bagi kes yang dapat ditentukan kadarnya. Contoh lain ialah seperti setengah diat bagi kehilangan deria bau daripada salah satu lubang hidung dan satu perlina diat bagi kehilangan salah satu daripada lima rasa pada lidah manusia.⁶¹ Jika kadar kecederaan dan hilang keupayaan anggota tidak dapat ditentukan, barulah *ḥukūmah al-‘adl* diperuntukkan dan kadarnya dipulangkan kepada pemerintah.⁶²

PENUTUP

Daripada perbincangan, dapat dirumuskan bahawa Syariat Islam mengangkat tinggi nilai-nilai keadilan melalui sistem perundangannya. Setiap sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia mempunyai hak yang dilindungi syarak. Dalam konteks kehilangan nyawa dan kecederaan diri, diat diperuntukkan bagi membela mangsa atau waris mangsa dari sudut harta. Sungguh pun begitu, pelaku salah tidak dizalimi dengan penetapan ganti rugi yang melampaui hadnya. Hal ini dibuktikan dengan wujudnya elemen *tadākhul* dalam pelaksanaan hukuman diat apabila kecederaan yang pelbagai dan kehilangan fungsi tubuh berlaku pada satu anggota yang sama. Begitu juga dengan kecederaan sebahagian anggota tubuh yang diperuntukkan dengan nilai ganti rugi atau *arsh* yang mengikut nisbah atau berkadar dengan kecederaan yang dialami. Dalam hal ini, kaedah umum bagi ganti rugi iaitu *al-ta‘addud* yang bermaksud ganti rugi diperuntukkan secara berasingan bagi

⁵⁹ Jika pakar berpendapat bahawa kehilangan pertuturan adalah sebanyak satu perempat atau satu pertiga, maka remedi akan diberikan sebanyak itu dengan menisbarkannya kepada nilai diat. Ini merupakan pandangan Mazhab Maliki. Ibid, 340

⁶⁰ Ini merupakan salah satu pandangan dalam mazhab Hanafi. Ibid, 340.

⁶¹ Ibid, 324 dan 326; Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1: 412.

⁶² Al-Nawawī, *al-Minhāj*, 1: 411; al-‘Aysāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 310-311, 318, 326, 330 dan 334.

setiap kecederaan yang dialami tidak diaplikasikan. Berdasarkan perbincangan, penetapan kadar ganti rugi berdasarkan kaedah-kaedah ini mempunyai sandaran daripada hadith Nabi SAW dan dibincangkan secara terperinci oleh para fuqaha. Dalam konteks semasa, ia sudah memadai sebagai panduan asas bagi pelaksanaan diat dalam konteks semasa. Walaupun sandaran hadith Nabi SAW dan perbincangan fuqaha dalam hal ini mungkin tidak menyentuh semua bentuk kecederaan, persoalan berbentuk ijthadi ini boleh dirujuk kepada pakar yang berkenaan dan boleh ditentukan melalui perkembangan teknologi semasa terutamanya apabila melibatkan kecederaan yang kompleks. Justeru, jelas bahawa diat secara khususnya dan undang-undang Islam secara amnya sentiasa sesuai dan boleh dilaksanakan sepanjang zaman.

RUJUKAN

‘Abd al-Raḥman bin Ṣāliḥ. *Al-Qawā'id wa al-Ḍawābiḥ al-Fiqhiyyah al-Mutadaminah li al-Taysīr*. Al-Maktabah al-Shamilah, versi 3.28.

Al-Aysāwī, Najm ‘Abd Allah Ibrāhīm. *Al-Jināyah ‘alā al-Aṭraf fī al-Fiqh al-Islāmī*. Dubai: Dār al-Buḥūth li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa Iḥyā’ al-Turāth, 2002.

Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muhammad Sharīf. *Kitāb al-Ta‘arīfāt*. Beirut: Maktabah Lubnān, 1985.

Al-Khashlān, Khālid bin Sa‘ad. *Al-Tadākhul bayn al-Aḥkām fī al-Fiqh al-Islāmī*. Riyadh: Dār Ishbiliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1999.

Muḥammad Aḥmad Sarāj. *Ḍamān al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas’ūliyyah al-Taqsīriyyah fī al-Qānūn*. Kaherah: Dār al-Thaqāfah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1990.

Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arabī, 1999.

Muḥammad Rashīd al-‘Umar. *Uṣūl al-Taḥqīq al-Jinā’ī fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*.

- Damsyik: Dār al-Nawādir, 2008.
- Al-Nawawī, Muḥy al-Dīn. *Al-Minhāj: fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. ‘Ummān: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2010.
- Portal rasmi Kelantan Golden Trade. Capaian pada 1 November 2018. https://kgt.com.my/shop/index.php?route=product/product&product_id=58&search=dinar.
- Portal rasmi Kelantan Golden Trade. Capaian pada 1 November 2019. <https://kgt.com.my/shop/index.php?route=product/search&search=dirham>
- Al-Qarrāfī, Ahmad bin Idrīs. *Al-Furūq*. Beirut: Dār Kutub ‘Ilmiyyah, 1998.
- Sa‘dī Abū Jīb. *Mawsū‘at al-Ijmā‘ fī al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1999.
- Al-Sarakhsī, Syams al-Dīn. *Al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.
- Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam”. Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd Raḥman. *Al-Ashbāh wa al-Naḏā’ir*. Kaherah: Dār Salam, 2009.
- Zakariyyā al-Qudah. “Ijtimā‘ al-‘Uqūbah al-Muqaddarah fī al-Fiqh al-Islāmī.” *Majallah al-Sharī‘ah wa al-Dirāsah al-Islāmiyyah* 4, no. 8 (Ogos 1987).
- Zayn al-Dīn Abd Raḥman bin Aḥmad Ibn Rajab. *Taqrīr al-Qawā’id wa Taḥrīr al-Fawā’id*. Dār Ibn ‘Affān, t.t.
- Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm Ibn Nujaym. *Al-Ashbāh wa al-Naḏā’ir*. Damsyik: Dār Fikr, 2005.
- Al-Zuḥaylī, Muḥammad. *Naẓariyyat al-Ḍamān aw Aḥkām al-Mas‘ūliyyah al-Madaniyyah wa al-Jinā’iyyah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1998.